

KEADAAN mayat mangsa sejurus selepas gempa bumi.



BEREBUT WAKTU AFDAL

■ Pemeriksaan Tabung Haji di tujuh maktab dan 15 syarikat pengelola sahkan jemaah kita selamat



SEORANG jemaah wanita yang tidak sedarkan diri diselamatkan anggota keselamatan.

Station metro
28/9/2015
MIS 10



Pengurusan sistematik dan perancangan rapi Tabung Haji (TH) menyelamatkan jemaah haji Malaysia daripada terbabat dalam tragedi rempuhan di Mina, dekat sini, yang mengorbankan 717 nyawa dan sekurang-kurangnya 850 cedera, semalam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, kejadian itu berlaku kira-kira jam 11.30 pagi waktu tempatan atau 4.30 petang waktu Malaysia ketika jemaah berasak-asak untuk ibadat melontar di jamrah.

Menurutnya, waktu itu termasuk dalam tempoh masa puncak bagi ibadat melontar yang afdal atau sebaik-baik dilakukan pada waktu duha iaitu selepas solat Subuh sehingga Zuhur.

“Insiden rempuhan itu disebabkan ramai jemaah berebut-rebut mengerjakan ibadat berkenaan ketika waktu duha. Kita sudah pastikan jemaah haji kita tidak melontar di luar jadual ditetapkan.

“Mengikut perancangan, jemaah haji Malaysia melontar pada jam 5.30 petang se-

hingga 8 malam (waktu tempatan).

“Selepas membuat semakan di tujuh maktab dan 15 syarikat pengelola jemaah haji serta TH Travel and Services Sdn Bhd, tiada jemaah kita terbabat dalam kejadian itu,” katanyan dalam sidang media, di sini.

Menurutnya, berdasarkan maklumat petugas TH di Mina, lokasi rempuhan itu berlaku di antara Jalan 204 dan 223 dan bukannya di Kompleks Jamrat (kompleks melontar).

“Jalan 204 dan 223 ini kawasan perkhemahan yang menempatkan jemaah haji dari negara Arab,” katanya.

Asyraf Wajdi berkata, berdasarkan pengalaman lampau dan bagi memastikan tidak berlaku kejadian tidak diingini, TH menempatkan lapan pos untuk petugas dan peronda memantau setiap laluan menuju ke Kompleks Jamrat.

“Peranan petugas di pos peronda ini bagi menasihatkan jemaah haji kita tidak melontar selain dari tingkat tiga ataupun di luar waktu ditetapkan.

“Secara teori, jemaah kita tidak akan pergi ke kawasan lain,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, TH tetap membuat semakan-dan kiraan secara terperinci di semua perkhemahan jemaah haji muassasah

TRAGEDI REMPUHAN DI MINA

Fakta Grafik

KOMPLEKS JAMRAT
Kawasan melontar



Melontar manifestasi melawan syaitan

MELONTAR jamrah adalah satu daripada perkara yang perlu disempurnakan oleh jemaah haji dan ibadah ini mengingatkan kita kepada pertembungan sengit antara Nabi Ibrahim AS dengan syaitan yang cuba menghasut baginda.

Ini juga termasuk kisah pengorbanan dua beranak, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang mempamerkan sikap kasih sayang dan keadaan itu membuatkan syaitan semakin resah dan menggandakan usaha menghasut Nabi Ibrahim.

Ini lah hikmah terhadap ibadah melontar jamrah yang dilaksanakan jemaah haji sebagai manifestasi menentang syaitan dan pelaksanaan rukun itu mengingatkan bahawa syaitan adalah musuh nombor satu umat Islam.

Pelaksanaan melontar jamrah adalah simbolik terhadap rasa benci kepada syaitan dan segala rupa bentuk kejahatan.

Umat Islam yang mengerjakan ibadah haji perlu melaksanakan melontar jamrah dan ia juga sebahagian wajib haji.



Perlaksanaan haji



“Insiden itu disebabkan ramai jemaah berebut-rebut mengerjakan ibadat berkenaan ketika waktu duha. Kita sudah pastikan jemaah haji kita tidak melontar di luar jadual ditetapkan”

Dr Asyraf Wajdi

dan juga jemaah haji pakej.

Sementara itu, agensi berita antarabangsa melaporkan insiden rempuhan semalam berlaku di persimpangan Jalan 204 dan 223 ketika beberapa kumpulan besar jemaah menuju ke Komplek Jamrat

“Insiden itu tercetus apabila sekumpulan jemaah haji meninggalkan kawasan berkenaan manakala sekumpulan lainnya mahu bergerak ke laluan bertentangan ataupun mahu pergi ke kem di luar lokasi kejadian,” kata jurucakap itu.

Jabatan Pertahanan Awam Arab Saudi (KSA) memaklumkan sehingga jam 2.40 petang waktu tempatan, lebih 4,000 petugas perubatan dan 220 ambulans berada di lokasi kejadian untuk mem-

bantu mangsa yang cedera serta mengeluarkan jemaah yang meninggal dunia.

KSA berkata, pihaknya masih mengira jumlah jemaah haji yang maut.

Kira-kira 100,000 petugas keselamatan ditempatkan di Mina sepanjang tempoh lima hari bagi memastikan keselamatan jemaah.

Mina adalah lokasi di mana jemaah haji melontar jamrah iaitu ibadah simbolik kepada penentangan terhadap syaitan dan kawasan itu turut menempatkan lebih daripada 160,000 khemah.

Pembinaan struktur bertingkat yang dikenali Jambatan Jamrat direka untuk mengurangkan kesesakan di laluan jemaah termasuk mengelakkan rempuhan berlaku.

Beberapa gambar turut dimuat naik menerusi akaun Twitter milik KSA yang memperlihatkan petugas perubatan membantu mangsa cedera termasuk kelihatan jemaah terkorban yang diselubung dengan kain putih.

Dalam perkembangan sama, agensi berita AFP melaporkan kerajaan Iran mengesahkan sekurang-kurangnya 43 rakyatnya terkorban dalam insiden rempuhan itu dan menyalahkan kerajaan Arab Saudi kerana kelemahan dalam kawalan keselamatan di laluan berkenaan.

KRONOLOGI TRAGEDI KETIKA MUSIM HAJI

2006

Lebih daripada 360 jemaah terbunuh dalam rempuhan di dataran padang pasir di Mina, dekat Makkah, ketika jemaah menjalankan ibadat melontar jamrah. Sehari sebelum ibadah haji bermula, sebuah bangunan lapan tingkat yang digunakan sebagai asrama berhampiran Masjidilharam di Makkah runtuh, membunuh sekurang-kurangnya 73 orang.

2004

Seramai 251 jemaah terbunuh dan 244 lagi cedera dalam rempuhan ketika melontar di Mina.

2001

Rempuhan ketika hari terakhir ibadah haji di Mina mengorbankan 35 jemaah.

1998

Kira-kira 180 jemaah terkorban akibat dipijak susulan keadaan panik selepas beberapa jemaah terjatuh dari jambatan semasa melontar jamrah.

1997

Sekurang-kurangnya 340 jemaah terkorban apabila khemah yang menempatkan mereka di Mina terbakar di samping angin kuat memburukkan keadaan. Dalam kejadian itu, 1,500 jemaah cedera.

1994

Kira-kira 270 jemaah terbunuh ketika rempuhan ketika melontar jamrah di Mina.

1990

Tragedi terburuk pernah direkodkan apabila 1,426 jemaah terkorban selepas rempuhan di terowong pejalan kaki iaitu Terowong Al Muassim, kebanyakannya dari Malaysia, Indonesia dan Pakistan. Angka korban itu yang tertinggi setakat ini dalam satu bencana di Makkah.



ANGGOTA keselamatan Arab Saudi menolak jemaah wanita yang terabit dalam rempuhan.



DUA jemaah yang cedera dibawa masuk ke dalam ambulans untuk mendapatkan rawatan di hospital.